



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA JULAI 2024

Inflasi Malaysia pada Julai 2024 meningkat 2.0 peratus, kekal sejak Mei 2024

PUTRAJAYA, 22 Ogos 2024 - Inflasi Malaysia pada Julai 2024 meningkat 2.0 peratus, kekal sejak Mei 2024 dengan mata indeks mencatatkan 133.1 berbanding 130.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), JULAI 2024**.

Peningkatan inflasi pada Julai 2024 telah didorong oleh peningkatan bagi kumpulan utama Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.4%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.2%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (2.2%) dan Kesihatan (1.9%). Sementara itu, kumpulan Makanan & Minuman (1.6%) telah merekodkan peningkatan lebih perlahan berbanding bulan sebelumnya. Selain itu, kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.2%), Pendidikan (1.7%), Pengangkutan (1.2%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.9%) meningkat pada kadar yang sama seperti yang direkodkan pada bulan sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan inflasi Restoran & Perkhidmatan Penginapan meningkat kepada 3.4 peratus (Jun 2024: 3.3%). Ini disebabkan oleh peningkatan subkumpulan utama Perkhidmatan penyediaan minuman kepada 4.3 peratus (Jun 2024: 4.2%). Manakala, inflasi bagi Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan meningkat 3.2 peratus pada Julai 2024 berbanding 2.8 peratus pada Jun 2024.

Peningkatan ini disumbangkan oleh kelas perbelanjaan Barang kemas & jam tangan kepada 18.1 peratus (Jun 2024: 15.3%).

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP mencatatkan peningkatan perlahan 1.6 peratus pada Julai 2024 (Jun 2024: 2.0%). Subkumpulan utama Makanan di rumah meningkat 0.3 peratus pada Julai 2024 berbanding 0.9 peratus pada bulan sebelumnya. Walaupun, Inflasi kelas perbelanjaan Sayur-sayuran merekodkan peningkatan tertinggi bagi subkumpulan utama Makanan di rumah, telah mereda kepada 2.9 peratus pada Julai 2024 (Jun 2024: 6.2%). Antara sayur-sayuran yang merekodkan penurunan adalah Kacang buncis, Brokoli, Timun dan Kailan.

Inflasi bagi kelas perbelanjaan Daging menurun kepada negatif 1.1 peratus pada Julai 2024 (Jun 2024: 0.2%). Daging ayam segar yang merupakan komponen terbesar merangkumi 32.6% dalam kelas perbelanjaan Daging telah merekodkan negatif 2.7 peratus berbanding 1.1 peratus pada Jun 2024. Berdasarkan pengumpulan data oleh pihak DOSM, purata harga Ayam standard Malaysia pada Julai 2024 adalah RM10.35 sekilogram berbanding RM10.51 sekilogram pada Julai 2023 (Jun 2024: RM10.58). Manakala di peringkat Semenanjung Malaysia, purata harga Ayam standard direkodkan pada RM9.53 sekilogram berbanding RM9.85 sekilogram pada Julai 2023 (Jun 2024: RM9.92). Disamping itu, penurunan pada kelas perbelanjaan ini juga adalah didorong oleh kenaikan perlahan Daging khinzir iaitu 0.9 peratus (Jun 2024: 2.1%).

Inflasi kelas perbelanjaan Susu, produk tenusu lain & telur juga mencatatkan penurunan kepada negatif 0.2 peratus pada bulan Julai 2024 (Jun 2024: 0.5%). Antara subkelas perbelanjaan yang mendorong kepada penurunan tersebut ialah Telur, negatif 2.0 peratus (Jun 2024: 0.0%). Ini adalah seiring dengan pengumuman oleh kerajaan bagi harga runcit telur ayam gred A, B dan C di pasaran masing-masing diturunkan 3 sen sebiji berkuat kuasa pada 17 Jun 2024. Disamping itu, subkumpulan utama Makanan di luar rumah meningkat 3.2 peratus berbanding 3.3 peratus pada bulan sebelumnya. Antara item yang merekodkan peningkatan lebih rendah pada Julai 2024 ialah adalah Makanan berasaskan mi, Masakan daging dan Masakan ayam.

Selain itu, inflasi Pengangkutan mencatatkan peningkatan pada kadar yang sama seperti bulan sebelumnya iaitu 1.2 peratus pada Julai 2024. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh subkumpulan Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian yang meningkat kepada 1.8 peratus pada Julai 2024 (Jun 2024: 1.7%). Antara item yang merekodkan kenaikan ialah Diesel, 22.6 peratus (Jun 2024: 15.8%). Kerajaan telah menetapkan harga runcit bahan api diesel pada RM3.35 seliter berbanding RM2.15 seliter bermula 10 Jun 2024 di Semenanjung Malaysia, manakala, harga runcit Diesel di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kekal pada RM2.15 seliter. Di samping itu, purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 pada Julai 2024 adalah RM3.47 seliter berbanding RM3.37 seliter pada Julai 2023 (Jun 2024: RM3.47). Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengumumkan bahawa harga runcit diesel di Semenanjung Malaysia telah diturunkan sebanyak 5 sen kepada RM3.30 seliter bermula 8 Ogos sehingga 14 Ogos 2024 dan daripada RM3.30 seliter diturunkan kepada RM3.25 seliter bermula 15 Ogos sehingga 21 Ogos 2024. Ini adalah seiring dengan harga minyak mentah Brent pada Julai 2024 yang meningkat lebih rendah kepada 6.5 peratus (AS\$85.30/tong) berbanding 10.2 peratus pada Jun 2024 (AS\$82.56/tong).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, berhubung dengan inflasi di peringkat negeri, kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional 2.0 peratus. Walau bagaimanapun, empat negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Pulau Pinang (3.4%), Sarawak (2.7%), Pahang (2.6%) dan Selangor (2.4%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan lebih rendah dalam inflasi Makanan & Minuman. Kadar tertinggi dicatatkan oleh Selangor pada 3.0 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (2.8%), Sarawak (1.9%), Sabah (1.7%), Pahang (1.6%) dan Terengganu (1.6%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman nasional iaitu 1.6 peratus pada Julai 2024.

Inflasi keseluruhan secara bulanan pada Julai 2024 merekodkan kenaikan perlahan 0.1 peratus (Jun 2024: 0.2%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh Insurans & Perkhidmatan Kewangan (0.5%), Restoran & Perkhidmatan Penginapan (0.4%), Kesihatan (0.3%) dan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (0.3%). Sementara itu, inflasi teras meningkat 1.9 peratus

pada Julai 2024, kadar yang sama seperti yang direkodkan pada Jun 2024. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kumpulan utama Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.4%), Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.2%) dan Makanan & Minuman (2.7%).

Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (2.0%) adalah lebih rendah berbanding inflasi di Vietnam (4.4%), Filipina (4.4%), Republik Korea (2.6%), Zon Euro (2.6%) dan Indonesia (2.1%). Namun, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Thailand (0.8%) dan China (0.5%).

Bermula keluaran Julai 2024, Jabatan buat pertama kalinya menerbitkan purata harga 30 item terpilih di peringkat daerah. Ia meliputi beberapa item di dalam kumpulan Makanan & Minuman.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
22 OGOS 2024

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 22 Ogos 2024

Carta 1


Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 - Julai 2024



Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Julai 2024


Carta 2

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, Julai 2023 - Julai 2024




Carta 3

Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Julai 2023 – Julai 2024




Carta 4

Inflasi mengikut Kuadran, Jun 2024 & Julai 2024




Carta 5

Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkat ≤10%, Jun 2024 & Julai 2024



Carta 6

Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel, Julai 2023 - Julai 2024




Nota: *Purata harga Diesel di Semenanjung Malaysia

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 22 Ogos 2024


Carta 7

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Jun 2024 & Julai 2024



Carta 8


Inflasi bagi Makanan & Minuman, Julai 2023 – Julai 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 22 Ogos 2024

Carta 9

Inflasi mengikut Negeri, Jun 2024 & Julai 2024




Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

Jun 2024 | Julai 2024

Carta 10

Inflasi bagi Negara Terpilih, Julai 2023 – Julai 2024




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 22 Ogos 2024


Carta 11

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Jagung (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)




Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



Minyak Kelapa (US\$/mt)



Harga komoditi dunia (AS\$) Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA JULY 2024

***Malaysia's inflation in July 2024 increased at 2.0 per cent,
remained unchanged since May 2024***

PUTRAJAYA, 22 August 2024 – Malaysia's inflation in July 2024 increased at 2.0 per cent, remained unchanged since May 2024 with the index points stood at 133.1 as against 130.5 in the same month of the previous year. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), JULY 2024.**

The increase of inflation in July 2024 was driven by the incline in the main groups of Restaurant & Accommodation Services (3.4%); Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.2%); Recreation, Sports & Culture (2.2%) and Health (1.9%). Meanwhile, Food & Beverages (1.6%) recorded a slower increase than the previous month. Other than that, Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (3.2%); Education (1.7%), Transport (1.2%) and Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (0.9%) increased at the same rate as recorded in the previous month.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin informed that, inflation for Restaurant & Accommodation Services increased to 3.4 per cent (June 2024: 3.3%). This was due to the increase in the main subgroup of Beverage preparation services to 4.3 per cent (June 2024: 4.2%). Meanwhile, the inflation for Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services increased by 3.2 per cent in July 2024 as against to 2.8 per cent in June 2024. The incline was contributed by the expenditure class of Jewellery & watches at 18.1 per cent (June 2024: 15.3%).

The Food & Beverages group which contributes 29.8 per cent of the total CPI weight recorded a slower increase of 1.6 per cent in July 2024 (June 2024: 2.0%). The main subgroup of Food at home increased by 0.3 per cent in July 2024 as compared to 0.9 per cent in the previous month. Even though inflation for the expenditure class of Vegetables recorded the highest increase for the main subgroup of Food at home, it eased to 2.9 per cent in July 2024 (June 2024: 6.2%). Among the vegetables that recorded a decline were French beans, Broccoli, Cucumber and Kailan.

Inflation for the expenditure class of Meat declined to negative 1.1 per cent in July 2024 (June 2024: 0.2%). Chicken as the largest component comprised 32.6 per cent in the expenditure class of Meat recorded a negative 2.7 per cent as compared to 1.1 per cent in June 2024. Based on data collected by DOSM, the average price of Standard chicken in Malaysia for July 2024 was RM10.35 per kilogramme as compared to RM10.51 per kilogramme in July 2023 (June 2024: RM10.58). Meanwhile, the average price of Standard chicken in Peninsular Malaysia for July 2024 was RM9.53 per kilogramme as compared to RM9.85 per kilogramme in July 2023 (June 2024: RM9.92). Besides, the decline in this expenditure class was also contributed by the slower increase of Pork at 0.9 per cent (June 2024: 2.1%).

The expenditure class of Milk, other dairy products & eggs also recorded a decrease to negative 0.2 per cent in July 2024 (June 2024: 0.5%). Among the expenditure subclass that contributed to the decline was Eggs, negative 2.0 per cent (June 2024: 0.0%). The decrease was in line with the announcement by the government for retail prices of grade A, B and C eggs in the market to be reduced by 3 cents respectively starting from 17th June 2024. Besides, the main subgroup of Food away from home increased by 3.2 per cent as compared to 3.3 per cent in the previous month. Among the items that recorded lower increases in July 2024 were Food made from noodles, Cooked beef and Cooked chicken.

Furthermore, inflation for Transport increased at the same rate as recorded in the previous month at 1.2 per cent in July 2024. The increase was contributed by the main subgroup of Operation of personal transport equipment which increased to 1.8 per cent in July 2024 (June 2024: 1.7%). Among the item was Diesel, increased

22.6 per cent (June 2024: 15.8%). The Government has set the new retail price for Diesel at RM3.35 per litre as compared to RM2.15 per litre effective from 10th June 2024 for Peninsular Malaysia, while, the retail price of Diesel for Sabah, Sarawak & Wilayah Persekutuan Labuan remains at RM2.15 per litre. In addition, the average price of Unleaded petrol RON97 in July 2024 was RM3.47 per litre as against RM3.37 per litre in July 2023 (June 2024: RM3.47). However, the government had announced that the retail prices for Diesel in Peninsular Malaysia has reduced by 5 cents to RM3.30 per litre starting from 8th August to 14th August 2024 and from RM3.30 per litre to RM3.25 per litre starting 15th August to 21st August 2024. This was in line with the price of Brent crude oil in July 2024 which increased slower to 6.5 per cent (USD85.30/barrel) as against 10.2 per cent in June 2024 (USD82.56/barrel).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, with regards to inflation at the state level, most of the states recorded increases below the national inflation level of 2.0 per cent. However, four states recorded increases above the national inflation level namely Pulau Pinang (3.4%), Sarawak (2.7%), Pahang (2.6%) and Selangor (2.4%). All states registered a slower increase in the inflation of Food & Beverages. The highest rate was recorded by Selangor at 3.0 per cent, followed by Pulau Pinang (2.8%), Sarawak (1.9%), Sabah (1.7%), Pahang (1.6%) and Terengganu (1.6%). Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Beverages of 1.6 per cent in July 2024.

The overall monthly inflation for July 2024 recorded a slower increase of 0.1 per cent (June 2024: 0.2%). The increase was mainly driven by Insurance & Financial Services (0.5%); Restaurant & Accommodation Services (0.4%); Health (0.3%) and Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (0.3%). Meanwhile, core inflation increased at 1.9 per cent in July 2024, the same rate as recorded in June 2024. The increase was due to the Restaurant & Accommodation Services (3.4%); Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.2%) and Food & Beverages (2.7%).

In comparison to inflation in other selected countries, inflation in Malaysia (2.0%) was lower than inflation in Vietnam (4.4%), Philippines (4.4%), Republic of Korea (2.6%), Euro Zone (2.6%) and Indonesia (2.1%). However, the rate was higher than Thailand (0.8%) and China (0.5%).

Starting from July 2024 release, the Department for the first time publishes the average price of 30 selected items at the district level. It includes some selected items in the Food & Beverages group.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.


Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
22 AUGUST 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 22 August 2024

Chart 1

Malaysia Headline Inflation, January 2011 - July 2024



Note: * Average inflation for the period of January 2011 to July 2024

Chart 2

Malaysia Headline Inflation, Core Inflation and Inflation without Fuel, July 2023 - July 2024




Chart 3

Inflation for Income Group Below RM3,000, July 2023 – July 2024




Chart 4

Inflation by Quadrant, June 2024 & July 2024




Chart 5

Distribution of Inflation for Food and Non-Food that Increased ≤10%, June 2024 & July 2024





Chart 6

Average Price of Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel, July 2023 – July 2024



Note: * Average price of Diesel in Peninsular Malaysia

Chart 7

Inflation by Main Group, June 2024 & July 2024




Chart 8

Inflation for Food & Beverages, July 2023 – July 2024





Chart 9

Inflation by State, June 2024 & July 2024



Note: W.P. refers to Wilayah Persekutuan

June 2024 | July 2024

Chart 10

Inflation of Selected Countries, July 2023 – July 2024





Chart 11 Global Selected Commodity Prices



Source: Commodity Monthly Prices, World Bank

Notes:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit